



Kadar penerbitan buku ilmiah bahasa Melayu terlalu kecil

028

KUALA TERENGGANU 24 Sept. — Kadar penerbitan buku ilmiah dalam bahasa Melayu masih terlalu kecil berbanding lebih 9,000 ahli akademik yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abdul Aziz Deraman berkata, jika 10 peratus daripada mereka menulis sebuah buku dalam setahun, sekurang-kurangnya antara 800 hingga 1,000 judul dapat diterbitkan setiap tahun.

Katanya, sebagai pusat pengajian tinggi yang mempunyai ahli akademik yang pakar dalam pelbagai bidang, sepatutnya lebih banyak buku ilmiah diterbitkan di IPT berbanding DBP.

"IPT mempunyai para sarjana dan profesor yang mahir dalam pelbagai bidang, tidak seperti kita yang bergantung kepada tenaga luar.

"Sepatutnya universiti mewujudkan lebih banyak insentif sebagai galakan kepada tenaga pengajar menulis buku dalam ba-

hasa Melayu untuk rujukan pelajar sekolah, mahasiswa dan masyarakat," katanya selepas majlis pelepasan peserta Kembara Bahasa 2002 Laluan Timur di Dataran Maziah di sini, hari ini.

Beliau berkata, pada masa ini DBP menerbitkan antara 500 hingga 800 judul buku setahun termasuk buku-buku terjemahan dan hanya 20 peratus daripadanya merupakan buku ilmiah.

Katanya, penerbitan di sesebuah universiti pula pada masa ini hanya di sekitar antara 50 hingga 60 judul setahun.

Tambah beliau, DBP telah menghasilkan lebih 800,000 istilah bahasa Melayu dan sepatutnya boleh menjadi sumber rujukan ahli akademik untuk menulis buku-buku dalam bahasa Melayu.

"Kita juga faham terdapat beberapa halangan lain kepada mereka untuk menghasilkan buku seperti kecekapan menggunakan istilah bahasa Melayu, bebanan waktu mengajar dan masalah peribadi," ujar beliau.